

Pantun Alam Remaja Tingkatan 2

1. Apakah yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam rangkap pertama Pantun Alam Remaja?
 - A. anak-anak akan berasa sangat gembira sewaktu menyambut kepulangan ibu di rumah.
 - B. ibu bapa tidak sewajarnya memarahi anak-anak yang gemar berpantun kerana anak-anak masih kecil.
 - C. adik-beradik menyanyikan sebarang lagu bersama-sama
 - D. pemberian atau hadiah daripada ibu bapa membuatkan anak-anak berasa gembira.
2. Apakah tema bagi Pantun Alam Remaja?
 - A. Nasihat yang dijadikan panduan kepada masyarakat agar mereka sentiasa melakukan kebaikan
 - B. Sindiran terhadap segelintir masyarakat yang mengamalkan sikap negatif
 - C. Kegembiraan anak-anak sewaktu menyambut kepulangan ibu bapa mereka ke rumah.
 - D. masyarakat yang berbudi bahasa akan dipandang tinggi
3. Yang manakah merupakan bentuk Pantun Alam Remaja?
 - A. terdiri daripada 10 hingga 11 bilangan patah perkataan
 - B. Terdiri daripada tujuh rangkap
 - C. mempunyai pembayang
 - D. terdiri daripada 18 hingga 20 suku kata
4. Pilih gaya bahasa yang betul dalam Pantun Alam Remaja.
 - A. Imej alam- tanjung, saga, daun, emas
 - B. Personifikasi- bijak bertemu dengan jauhari
 - C. Imej alam- ikan, buah sintang, buah senikul
 - D. Peribahasa - Besar Hati
5. Berikut merupakan nilai yang terdapat dalam Pantun Alam Remaja kecuali
 - A. Kesyukuran
 - B. Keberanian
 - C. Kasih sayang
 - D. Tanggungjawab
6. Apakah maksud rangkap ketujuh Pantun Alam Remaja?
 - A. ibu bapa tidak sewajarnya memarahi anak-anak yang suka berpantun kerana anak-anak yang masih kecil biasanya manja.
 - B. kepulangan ibu bapa menghilangkan rasa takut dan risau anak-anak di rumah.
 - C. anak-anak akan berasa sangat gembira jika ibu pulang cepat ke rumah.
 - D. adik-beradik menyanyikan sebarang lagu bersama-sama.

7. Pengajaran manakah yang benar berdasarkan Pantun Alam Remaja?

- A. Kita mestilah berbudi bahasa kepada setiap orang.
- B. Kita mesti bersikap rendah diri apabila berada di tempat orang.
- C. Kita mestilah mempunyai perasaan kasih sayang terhadap keluarga.
- D. Kita mestilah bersikap rasional dalam setiap tindakan.

8. Pada pendapat anda, apakah yang harus dilakukan oleh anak-anak untuk menunjukkan kasih sayang terhadap ibu bapa mereka?